



**IBU PEJABAT PERKHIDMATAN VETERINAR
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI
MALAYSIA**

**WISMA TANI, BLOK PODIUM 4G1, PRESINT 4
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62630 PUTRAJAYA, MALAYSIA**

**Tel: +603 – 8870 2201 Fax: +603-8888 6051 (KPPV)
Email: kp@dvs.gov.my**



**KENYATAAN MEDIA OLEH
YANG BERTHORMAT
DATUK SERI NOH OMAR
MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI MALAYSIA**

**LAWATAN PEMERIKSAAN LOJI PEMROSESAN SARANG BURUNG WALIT
OLEH PIHAK BERKUASA CHINA**

Malaysia dan China telah bekerjasama melalui beberapa platform rundingan untuk membolehkan pengeksportan sarang burung walit ke Republik Rakyat China (RRC) berjalan seperti sedia kala. Salah satu persetujuan yang telah dicapai adalah untuk Pihak Berkuasa China melihat dan menilai sendiri sistem keselamatan produk yang dilaksanakan oleh Malaysia bagi memastikan produk sarang burung walit yang dihasilkan adalah sesuai untuk dieksport ke sana.

Susulan daripada itu, Jemaah Menteri telah bersetuju agar pemeriksa dari RRC datang ke Malaysia untuk menjalankan pemeriksaan terhadap loji pemprosesan sarang burung walit di Malaysia bagi tujuan eksport sarang burung walit ke RRC.

Delegasi adalah seramai 6 orang terdiri daripada kumpulan pakar dari *Certification and Accreditation Administration (CNCA)*, *China Entry Exit Inspection and Quarantine Bureau (CIQ)* dan *Chinese Academy of Inspection and Quarantine (CAIQ)*, RRC yang diketuai oleh Mr. Li Chunguang, Timbalan Ketua Pengarah, CNCA. Lawatan pemeriksaan ini dijalankan selama 2 minggu bermula dari 8 April 2013 hingga 19 April 2013 di seluruh Malaysia antaranya Selangor, Sarawak Pahang, Melaka, Johor, Pulau Pinang dan Kedah. Pemilihan pemeriksaan ke atas 15 premis telah ditetapkan oleh pihak CNCA.

DATUK NOH SERI OMAR
MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

9 APRIL 2013